

# **HUBUNGKAIT EMOSI KASIH DAN KESAN KELEGAAN JIWA DALAM *HIKAYAT GUL BAKAWALI***

*(RELATION OF LOVING EMOTION AND RELIEF TO  
THE SOUL IN HIKAYAT GUL BAKAWALI)*

**Afidatul Syazwani Binti Afandi<sup>1</sup>**

Universiti Malaysia Kelantan  
16100 Kota Bharu  
Kelantan

**Norazimah Binti Zakaria<sup>2</sup>**

**Abdul Halim Bin Ali<sup>3</sup>**  
Fakulti Bahasa dan Komunikasi  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
35900 Tanjung Malim  
Perak Darul Ridzuan

Email: afidatul@umk.edu.my  
norazimah@fbk.upsi.edu.my  
halim.ali@fbk.upsi.edu.my

(Dihantar: 3 Mei 2020; Diterima: 15 Julai 2020)

## **Abstrak**

Emosi kasih yang menerbitkan rasa berahi menjadi struktur asas dan merupakan intipati penting di dalam penghasilan karya klasik Melayu terutama genre hikayat. Unsur emosi kasih yang memberi bayangan kepada pelbagai peristiwa luar biasa yang di kenali sebagai magis memberi kesan kelegaan jiwa kepada khalayak yang menikmati genre hikayat ini. Persoalan kajian ini adakah unsur emosi kasih ini merupakan emosi utama yang mendokong keseluruhan unsur emosi lain yang boleh di lihat dalam kebanyakan peristiwa dalam *Hikayat Gul Bakawali*? Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis hubungkait serta keterikatan emosi kasih dengan peristiwa magis yang terdapat di dalam *Hikayat Gul Bakawali* berupaya meninggalkan kesan kelegaan jiwa kepada khalayak. Metodologi yang digunakan di dalam kajian ini menggunakan kaedah kualitatif di bawah analisis dekriptif. Unsur emosi kasih ini menggunakan kaedah gaya bahasa kasih terhadap ibu-bapa, kedua gaya bahasa kasih terhadap isteri dan

ketiga iaitu gaya bahasa kasih terhadap alam yang akhirnya akan meninggalkan kesan kelegaan jiwa kepada khalayak. Hasil analisis kajian mendapatkan emosi kasih terhadap isteri mendominasi keseluruhan unsur kasih yang terdapat dalam teks *Hikayat Gul Bakawali* ini. Sebagai penutup, unsur emosi kasih terhadap isteri menjadi wadah utama yang mendasari kebanyakan peristiwa yang melatari teks *Hikayat Gul Bakawali*. Hal ini kerana sememangnya budaya Melayu menganjurkan sifat kasih dan sayang terhadap isteri. Isteri merupakan individu yang penting di dalam kehidupan berkeluarga selain ibu dan bapa. Rumusannya, setiap agama menganjurkan untuk berbuat baik kepada manusia seperti contohnya dalam agama Islam berdasarkan potongan ayat ini ‘habluminnanas wa habluminallah’. Belajar untuk menyayangi sesama insan dahulu kemudian belajar untuk mengenal dan mencintai Aku, Tuhanmu.

**Kata Kunci:** Kasih, Magis, Kesan Kelegaan Jiwa dan *Hikayat Gul Bakawali*

### Abstract

Loving emotion which ignites sensual feelings, are a basic structure and important essence in the writing of classical Malay literature, especially in the genre of hikayat. Elements of loving emotion that are depicted by various extraordinary or magical occurrences provide a sense of relief to the soul (catharsis) of the audience who find enjoyment in this genre. This research questioned if the element of loving emotion is the main emotion that supports all other emotional elements that can be seen in most of the occurrences in *Hikayat Gul Bakawali*. The objective of this study is to analyse if the relation and intertwining of loving emotions with magical occurrences that are contained in *Hikayat Gul Bakawali* are able to leave a sense of relief (catharsis) to the audience. The methodology used in this study is the qualitative method under descriptive analysis. These elements of loving emotion are analysed using the method of language styles, specifically the language of love towards parents, secondly the language of love towards a wife and thirdly, the language of love towards nature, which will ultimately leave a sense of relief to the audience. The results of this analysis found that loving emotions towards a wife dominates the entire loving element contained in the text of *Hikayat Gul Bakawali*. In closing, the element of loving emotion towards a wife is the main vessel that is the basis of most occurrences, which in turn forms the background of the text in *Hikayat Gul Bakawali*. This is because Malay culture promotes love and affection towards wives. The reason behind this is because a wife is an important individual in a happy family life, besides one's parents. In conclusion, Islam itself encourages that we do good to others, as expressed in this sentence, ‘habluminnanas wa habluminallah’, which reminds us to know and love humans first before we love Allah. Learn to love among yourselves first then learn to love Me, your God.

**Keywords:** Love, Magic, Relief in the Soul (catharsis) and *Hikayat Gul Bakawali*

## 1.0 Pengenalan

*Kamus Dewan Edisi Keempat* (2015) memberi takrifan kepada istilah kasih sebagai perasaan sayang terhadap seseorang atau sesuatu dan dalam erti kata lain juga di sebut sebagai cinta. Cinta pula ialah perasaan yang sangat berahi dan mempunyai keinginan yang mendalam terhadap seseorang atau sesuatu perkara. Sekiranya diamati, elemen kasih yang menerbitkan rasa berahi ini banyak diterapkan di dalam genre hikayat Melayu terutama yang lahir pada zaman transisi iaitu suatu period peralihan antara zaman Hindu-Islam. Elemen kasih yang menerbitkan rasa berahi ini menjadi struktur asas dalam jalinan plot penceritaan watak-watak wira yang hebat dengan kesaktian dan mempunyai kuasa luar biasa yang di sebut sebagai magis. Magis juga disebut sebagai *supernatural* iaitu sesuatu yang menentang kebiasaan manusia normal. Lazimnya, unsur ini hanya di berikan kepada pemerian watak wira dan wirawati yang terdapat di dalam teks hikayat Melayu untuk membolehkan watak-watak ini menghadapi cabaran dan rintangan yang terdapat di dalam kehidupan mereka. Olahan peristiwa magis di dalam karya oleh pengarang tradisi bertujuan untuk menimbulkan kekaguman sekaligus rasa hormat yang tinggi kepada golongan bangsawan khususnya institusi beraja. Pengarang tradisi mengambil tanggungjawab untuk menanam rasa ketaatan dan hormat yang tinggi rakyat kepada institusi beraja dengan pemerian watak wira yang penuh dengan kesaktian dan sarat dengan elemen luar biasa. Masyarakat bawahan yang menerima korpus pengetahuan sepunya bahawa seorang raja

adalah manusia yang hebat dan kaya dengan keperibadian luar biasa dan patut di taati dan di hormati.

*Hikayat Gul Bakawali* (2016) juga memerihalkan seorang watak wira yang di beri nama Tajul Muluk. Tajul Muluk seorang putera raja yang mencari bunga bakawali untuk menyembuhkan mata ayahandanya Sultan Zainul Muluk yang buta. Sultan Zainul Muluk merupakan raja di Negeri Syarqastan terkena sumpahan kerana melihat raut wajah putera Tajul Muluk ketika berusia dua belas tahun. Sultan Zainul Muluk mempunyai tiga putera lagi selain Tajul Muluk dan mereka berempat mencari bunga bakawali untuk kesembuhan mata baginda Zainul Muluk. Tajul Muluk memenangi perlawanan catur dan berjaya mematahkan tipu helah Puteri Jenuh Hati manakala kekanda baginda kalah di dalam perlawanan catur tersebut. Bunga bakawali yang di cari oleh Tajul Muluk adalah kepunyaan Puteri Bakawali. Bunga bakawali terdapat di dalam taman larangan di kayangan. Tajul Muluk mendapat bantuan ketua jin iaitu Dewi Hamalah yang menjaga taman larangan tersebut dan sebagai balasan Tajul Muluk berkahwin dengan anak angkat Dewi Hamalah bernama Puteri Mahmudah. Kedua-dua mata Sultan Zainul Muluk sembah berkat azimat bunga bakawali. Puteri Bakawali kemudiannya menyamar sebagai Farakh untuk mencari identiti sebenar pencuri bunga bakawali. Akhirnya, Puteri Bakawali mencintai Tajul Muluk namun percintaan mereka terhalang. Tajul Muluk dibuang di Tanah Tulsumat dan akhirnya mereka di satukan kembali.

Maharaja Betara Indera iaitu pemerintah kerajaan Amar Negara di kayangan menculik Puteri Bakawali dan meminta puteri tersebut menari menghiburkan hati baginda. Maharaja Betara Indera sangat marah apabila mengetahui Puteri Bakawali mencintai Tajul Muluk yang pada ketika itu

menyamar sebagai pemukul gendang segera menyumpah Puteri Bakawali menjadi separuh batu selama dua belas tahun dan Puteri Bakawali di buang di sebuah berhala pinggir laut Serandib, iaitu kawasan pemerintahan Maharaja Catarsing dan Puteri Citrawati. Puteri Citrawati pula merupakan anakanda kepada Maharaja Catarsing dan mempunyai dua orang pengasuh bernama Cepamala dan Normala. Puteri Citrawati mencintai Tajul Muluk namun Tajul Muluk hanya mencintai Puteri Bakawali. Maharaja Catarsing marah kepada keikhlasan cinta Tajul Muluk terhadap Puteri Bakawali lalu baginda membongkar dan meratakan berhala tempat Puteri Bakawali disumpah dan Puteri Bakawali di beranakkan kembali oleh isteri tukang minyak bijan yang mandul.

Emosi kasih terhadap isteri yang berkembang di dalam kebanyakan plot penceritaan *Hikayat Gul Bakawali* ini bertitik tolak daripada dua korelatif utama di dalam emosi kasih yang terdapat di dalam Teori rasa fenomenologi. Teori rasa fenomenologi ialah gabungan teori rasa di India dan teori estetik fenomenologi di Poland. Teori rasa di India ini dikemukakan oleh Bharata Muni. Teori ini di kembangkan dalam karyanya yang berjudul *Natyasastera* kemudian telah dimantapkan oleh seorang tokoh yang bernama Abhinavagupta. Abhinavagupta menukar dimensi teori rasa ini kepada dimensi metafizik yang lebih dekat dengan falsafah aliran saivism. Teori etetik fenomenologi yang dikemukakan oleh Roman Ingarden pula lebih menekankan struktur karya dan peranan pembaca terhadap struktur karya tersebut. Karya sastera yang melalui proses pengkonkritan akan mengalami transformasi menjadi ‘objek estetik’ dalam minda pembaca dan dalam pada masa yang sama emosi tetap pembaca akan mengalami proses yang sama. Gandingan kedua-dua proses ini akan

menghasilkan pengalaman estetik kepada pembaca. Pengalaman estetik tersebut berada dalam satu kesedaran yang dipanggil ‘kesedaran estetik’.

Teori rasa fenomenologi menerima konsep ‘emosi’ daripada teori rasa. Konsep hakikat ‘jiwa kekal’ di ganti dengan konsep ‘emosi utama’. Teori rasa fenomenologi menjelaskan proses transformasi emosi dan karya berlaku ketika seseorang mengecapi pengalaman estetik. Unsur emosi kasih yang di ransang oleh bayangan persitiwa magis dalam terdapat di dalam teks hikayat hadir setelah pembaca mengecapi pengalaman estetik sekaligus memberikan suatu bentuk rasa ‘lega’ dan ‘puas’ atau lebih tepat di sebut sebagai ‘katarsis’ iaitu kelegaan jiwa kepada pembaca kerana rata-rata teks hikayat terutama hikayat yang lahir dalam periodisasi Hindu-Islam menyarankan ‘*happy endings*’. Teori rasa fenomenologi mencadangkan sembilan emosi tetap dan sembilan emosi peransang. Emosi-emosi ini sangat bergantung kepada korelatif objektif iaitu jalinan peristiwa, watak dan situasi yang memperlihatkan emosi tersebut di cipta. Dalam eri kata yang lain, korelatif objektif ialah penentu untuk mengesan emosi di dalam karya. Penentu ini boleh di lihat menerusi jalinan watak, situasi dan peristiwa yang memperlihat suatu emosi di cipta. Emosi tetap ‘kasih’ yang menyarankan emosi peransang ‘berahi’ bergantung kepada dua korelatif utama iaitu pertemuan dan perpisahan.

Pertemuan seperti yang dijelaskan oleh Sohaimi Abdul Aziz (1998, 277) gambaran menikmati kenyamanan musim, keindahan kalungan bunga, bersiar-siar di taman, bersenang-senang diri di taman, melihat orang yang dicintai, bergurau senda dan berseronok dengannya. Korelatif objektif yang kedua yang berhubung dengan emosi kasih yang menerbitkan rasa berahi ialah perpisahan. Korelatif objektif yang berhubung dengan perpisahan

merakamkan peristiwa atau situasi yang berkait rapat dengan harapan yang di sandarkan selepas perpisahan itu. Terdapat perbezaan korelatif objektif perpisahan di dalam emosi peransang berahi yang terbit daripada emosi kasih dan duka yang terbit daripada emosi sedih. Perpisahan yang di gambarkan di dalam emosi kasih adanya semacam bentuk pengharapan setelah perlakunya perpisahan. Perpisahan tersebut mampu menjadi nostalgia tetapi perpisahan yang terdapat dalam emosi sedih yang mampu menerbitkan kesan rasa duka merakamkan keadaan putus asa dan berduka cita. Kedua-dua korelatif objektif yang berkaitan dengan pertemuan dan perpisahan yang beserta harapan untuk di pertemukan kembali Tajul Muluk dan Puteri Bakawali terdapat di dalam *Hikayat Gul Bakawali*.

## 2.0 Tinjauan Literatur

Istilah katarsis berasal daripada perkataan Yunani iaitu *katharos* yang bererti ‘untuk menyucikan’ atau ‘untuk membersihkan’ (Sri Wahyuningsih, 2017). Perkataan ini telah dipraktiskan ke dalam beberapa lapangan bidang dan salah satunya bidang psikologi. Katarsis yang difahami di dalam bidang psikologi ini ialah gambaran suatu keadaan melepaskan rasa sakit, sedih, duka dengan mengartikulasikan segala kesakitan dengan jelas dan menyeluruh. Katarsis juga boleh di lihat sebagai pengalaman transenden membebaskan serta membersihkan jiwa. Katarsis ini boleh dilihat hubungannya dengan bidang kesusasteraan. Karya sastera menjadi wadah atau medium dan subjek dalam membersihkan jiwa-jiwa yang lara dan sedih. Hal ini adalah kerana karya sastera adalah sesuatu tentang masyarakat dan kepada masyarakat. Peristiwa, watak dan mesej yang disampaikan di dalam karya sastera begitu

dekat dengan masyarakat. Seringkali isu-isu yang di timbulkan dan di bawa di dalam karya menjadi fenomena biasa yang di tanggapi masyarakat dalam kehidupan harian. Gambaran proses khalayak menikmati karya sastera sebagai objek estetik melahirkan suatu kenikmatan yang dipanggil pengalaman estetik yang disertai kesedaran estetik mampu untuk meleraikan serta membebaskan jiwa. Hal ini demikian kerana khalayak seringkali memberi gambaran watak yang di bawa di dalam karya sastera ialah dirinya jadi dengan cara ini merupakan suatu proses ‘*escapism*’ pelarian kepada dunia dia yang sebenar yang penuh dengan kesedihan, kedukaan dan kemelaratatan yang berpanjangan. Gambaran ini wujud di dalam penceritaan hikayat kerana hikayat terutama yang lahir pada zaman Hindu-Islam rata-ratanya menyarankan pengakhiran yang ‘*happy endings*’.

Karya sastera berperanan mengharmonikan kesan psikik yang timbul di dalam nafsu haiwan manusia (Mohd Pozi Haji Masurori dan Zubir Idris, 2003). Karya-karya sastera terutama genre hikayat mampu memberi bantuan psikoterapi kepada jiwa seseorang di dalam bentuk menghibur, melipur atau menyukakannya. Dalam perkataan yang mudah, karya sastera sebagai alat terapi dalam proses menyembuhkan jiwa. Hal ini bermaksud, jiwa yang lega tersebut boleh di perolehi melalui proses menikmati keindahan karya sastera melalui struktur gaya bahasanya, stail kepengarangannya dan makna atau mesej yang cuba di sampaikan. Aspek keindahan susunan ayat bersama garapan mesej atau isu yang di ketengahkan dalam karya kesusasteraan meransang emosi-emosi tertentu dan pada akhirnya berkemampuan mentransformasikan keadaan jiwa manusia. Aspek kelegaan ini tadi berupaya

membentuk keperibadian manusia yang ‘berjiwa’ serta tinggi nilai sensitiviti terhadap kepercayaan, kebudayaan dan tradisi bangsanya.

Hikayat tradisional Melayu terutama yang lahir pada zaman Hindu-Islam sangat kaya dengan peristiwa magis iaitu sesuatu hal yang berada di luar kotak pemikiran manusia. Fiksyen hikayat tersusun rapi, penuh urutan, penuh dengan peristiwa ajaib dan takjub (Shahnon Ahmad, 1994). Hal ini dianggap sebagai salah satu keistimewaan yang terdapat di dalam genre hikayat Melayu dan pastinya mempunyai tujuan tertentu. Selain untuk memartabatkan kuasa dan kewibawaan institusi beraja, unsur magis ini di masukkan ke dalam naratif hikayat adalah untuk mencapai fungsi hiburan. Magis bertindak sebagai komplemen kepada keupayaan fizikal manusia dalam keadaan demikian dan berperanan seperti alatan membantu manusia menjalankan tugasnya (Noriah Talim, 2006). Sesuatu bayangan atau gambaran terhadap sesuatu yang belum pernah ditancap oleh pancaindera manusia biasa adalah sesuatu yang indah kerana keindahan setiap individu adalah berbeza dan aspek keindahan itu bersifat subjektif namun emosi manusia adalah sama. Kesan rasa yang dialami oleh manusia kesan daripada garapan emosi juga adalah sama.

### **3.0 Metodologi Kajian**

Kajian ini mengaplikasikan kaedah kualitatif di bawah pendekatan deskriptif. Pendekatan deskriptif yang dimaksudkan meliputi huraihan atau penerangan terhadap unsur magis dan emosi kasih di bawah teori rasa fenomenologi akan dikupas dalam penulisan ini. Data daripada kajian ini akan di kumpulkan melalui kaedah kepustakaan, kaedah laman sesawang dan kaedah analisis tekstual. Kaedah kepustakaan memerlukan pengkaji mencari bahan-bahan

atau maklumat data daripada sumber sekunder yang berkaitan dengan istilah magis, zaman transisi peralihan Hindu-Islam dan latar belakang hikayat Melayu yang pernah di kupas pandangan daripada sarjana-sarjana berkaitan. Antara perpustakaan yang terlibat termasuklah perpustakaan Tuanku Bainun (UPSI), Perpustakaan Negara Kuala Lumpur, Perpustakaan Tun Seri Lanang (UKM) dan Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA). Kaedah yang kedua iaitu kaedah laman sesawang melalui carian *google scholar* juga turut di aplikasikan bagi mendapatkan maklumat berkaitan dengan kajian. Kaedah yang ketiga iaitu kaedah analisis tekstual terbahagi kepada dua peringkat iaitu analisis struktural yang melibatkan pemerhatian terhadap struktur teks hikayat dan analisis teoritikal yang melibatkan pengaplikasian teori dalam kajian ini. Struktur ayat dan gaya bahasa yang memperlihatkan unsur magis akan di tonjolkan di dalam kajian sekaligus memperlihatkan perkaitan unsur-unsur magis ini di hubungkaitkan dengan emosi kasih di dalam Teori Rasa Fenomenologi yang pada akhirnya akan memberi kesan kelegaan jiwa (katarsis) kepada khalayak.

#### **4.0 Analisis Dan Perbincangan**

##### **4.1 Kasih Terhadap Ibu Bapa**

Emosi kasih terhadap ibu bapa menjadi asas permulaan kepada episod awal yang terdapat di dalam *Hikayat Gul Bakawali* ini. Pada permulaan penceritaan hikayat ini, di paparkan kasih dan sayangnya anak pada seorang bapa. Emosi kasih terhadap ibu bapa di tonjolkan pada peringkat permulaan penceritaan menggambarkan bagi seorang anak lelaki kasih terhadap ibu bapa adalah melebihi segalanya dan tidak kurang apabila

mempunyai tanggungjawab terhadap keluarga dan bergelar suami atau bapa. Hal ini boleh dibuktikan melalui kecintaan Tajul Muluk terhadap baginda Sultan Zainul Muluk yang buta kedua-dua mata kerana terkena sumpahan melihat wajah Tajul Muluk ketika Tajul Muluk berusia dua belas tahun. Tajul Muluk bersama ketiga orang kakanda beliau berusaha mencari penawar untuk kesembuhan mata ayahanda Sultan Zainul Muluk. Sebagai seorang anak mereka berempat terutama Tajul Muluk mengambil dan menggalas tanggungjawab mencari bunga bakawali untuk kesembuhan mata Sultan Zainul Muluk. Walaupun terdapat pelbagai rintangan yang terpaksa dilalui, demi kasih dan cinta seorang anak kepada bapa Tajul Muluk tetap nekad, bersedia dan berusaha mencari penawar buat ayahanda baginda.

Alkisah maka tersebutlah perkataan Tajul Muluk setelah dihalaukan baginda, maka ia pun mengubah pakaian serta masuk mengembara ke dalam hutan membawa nasibnya jumpa dengan angkatan anak-anak raja berempat itu. Maka, ia pun segera mengetahui mereka itu serta bertanya kepada hulubalang bernama Said, “Angkatan dari mana ini dan hendak kemana?” Maka jawab Hulubalang itu, “Tiadakah ketahui akan angkatan ini anak raja berempat orang Putera Baginda Zainul Muluk hendak pergi mencari akan ubat mata baginda yang telah buta itu”.

(*Hikayat Gul Bakawali*, 2016: 6)

Berdasarkan struktur ayat dalam petikan ini, dapat dirumuskan antara usaha yang telah dilakukan putera-putera baginda Sultan Zainul Muluk untuk kesembuhan mata ayahanda tersayang. Bagi pemaparan emosi kasih terhadap paduka ayahanda tiada elemen magis yang diterapkan di dalam struktur ayat, hanya pemaparan kemasyuran negeri Syarqastan dan kehebatan pemerintahan sultannya namun mesej yang ingin disampaikan oleh pengarang jelas mengenai tanggungjawab seorang anak terhadap ibu bapa kerana ibubapa individu pertama yang perlu dicintai di atas dunia ini oleh kerana besarnya jasa mereka di dalam kehidupan seorang anak.

Selain kasih terhadap ayahanda Sultan Zainul Muluk, di dalam teks *Hikayat Gul Bakawali* ini dipaparkan juga kasih terhadap bonda angkat Tajul Muluk iaitu Dewi Hamalah. Dewi Hamalah ialah individu yang bertanggungjawab membantu Tajul Muluk mendapatkan bunga bakawali. Dewi Hamalah ialah ketua bagi angkatan dua belas ribu raksasa yang menjaga taman bakawali di kayangan. Sebagai balasan terhadap besarnya cinta Tajul Muluk terhadap bonda angkatnya, Tajul Muluk menerima Puteri Mahmudah anak angkat Dewi Hamalah sebagai isteri. Dewi Hamalah memerintahkan Raja Tikus untuk membuat lubang hingga ke dalam taman Puteri Bakawali bagi memudahkan Tajul Muluk mendapatkan bunga bakawali. Pelbagai unsur magis diterapkan di dalam pemaparan unsur kasih sayang terhadap bonda angkat Tajul Muluk iaitu Dewi Hamalah ini. Sebagai contoh, pemerian watak bonda angkat Tajul Muluk bukan manusia biasa sebaliknya seorang dewi iaitu ketua angkatan jin yang besar dan mempunyai kuasa yang luar biasa yang mampu mengarahkan sesiapa

yang dikehendaki demi membantu anak angkatnya mendapatkan bunga bakawali di taman larangan.

Syahadan setelah sudah surat itu, maka di berinya ke tangan seorang jin utusannya bersama-sama Tajul Muluk itu. Maka, jin itu pun menyembah seraya terbanglah ia membawa Taju'l Muluk itu. Maka tiada berapa antaranya, sampailah ia kepada Dewi Hamalah. Adapun, Dewi Hamalah itu raksasa yang memerintahkan dua belas ribu raksasa akan menjaga Taman Bakawali itu.

(*Hikayat Gul Bakawali*, 2016: 28)

Struktur ayat di atas memaparkan pemerian watak jin yang tidak nampak dengan pandangan mata kasar manusia biasa sebaliknya manusia terpilih sahaja yang boleh melihat kewujudan jin ini dan sifatnya yang berkebolehan untuk terbang dan tinggal di kayangan iaitu tempat yang bukan biasa, tinggi dan jauh daripada gambaran kehidupan seorang manusia biasa. Elemen imaginasi yang dicakna di dalam teks hikayat ini sebenarnya yang membangkitkan keghairahan membayang sekaligus meninggalkan pengalaman estetik kepada khalayak yang menikmati penceritaan jenis hikayat ini. Pengalaman menikmati karya yang dipanggil objek estetik yang bersifat indah iaitu kaya dengan pemerian diksi di luar kotak atau melangkau imaginasi ini mendarangkan rasa lega dan puas khalayak dan secara tidak lansung meleraikan emosi khalayak apabila proses transformasi emosi tersebut berlaku. Apabila perasaan lega itu terbit daripada kesan emosi kasih ini mengalami keseimbangan estetik, segala mesej yang ingin di sampaikan pengarang akan berlaku. Bagi unsur kasih

terhadap ibu bapa di dalam *Hikayat Gul Bakawali* ini tidak disertai dengan rasa berahi atau berkeinginan. Tambahan pula, korelatif objektif di bawah pertemuan dan perpisahan juga tidak wujud dan tidak berkembang di dalam rasa kasih terhadap ibu bapa kerana kesan rasa berahi tadi tidak wujud. Hal ini demikian kerana rasa berahi hanya akan hadir bergantung pada watak, jalinan peristiwa dan situasi yang terdapat di dalam teks.

#### **4.2 Kasih Terhadap Isteri (Pasangan)**

Emosi kasih terhadap isteri mendominasi keseluruhan plot penceritaan di dalam hikayat ini. Pemaparan emosi kasih Tajul Muluk dan cinta yang mendalam terhadap isterinya Puteri Bakawali berupaya membangkit kesan rasa berahi sekaligus memenuhi dua korelatif utama yang terdapat di bawah emosi kasih iaitu pertemuan dan perpisahan yang membangkitkan harapan untuk dipertemukan kembali. Korelatif objektif pertemuan melihat orang yang dicintai yang berupaya membangkitkan rasa berahi ditonjolkan dalam episod pertemuan Tajul Muluk dan Puteri Bakawali buat kali pertama dan jatuh cinta pada pandangan pertama.

Bermula kelihatanlah di tengah-tengah mahligai itu suatu  
geta peraduan daripada permata puspa ragam bertatahkan  
zamrud, zabarjad dan manikam yang tiada dapat dinilaikan  
harganya. Demi dilihat di atas geta itu Tuan Puteri Bakawali  
sedang beradu, laksana anak-anakan kencana itu, maka ia  
pun rebah pengsanlah di kaki geta itu sejenis lamanya.  
Setelah tersedar daripada mercanya itu, maka di hampiri  
akan geta itu. Akan tetapi oleh sinar paras puteri itu,  
tiadalah dapat di hampirnya sehingga tiga kali ia merca dan

ingat pula, baharulah dapat di dekatinya. Subhanallah apalah hendak disebutkan lagi. Maklumlah tuan-tuan. Teruna melihat perawan beradu dengan tiada berhijab itu. Maka, dengan beberapa pelahan dan lemah-lembut naiklah ia ke atas geta tuan puteri itu seraya dihunusi perlahan-lahan cincin puteri yang dijari tuan puteri itu dipertukari cincin mohornya, lalu turunlah ia dari geta mendapatkan sang tikus.

(*Hikayat Gul Bakawali*, 2016: 32-33)

Peristiwa ini memerihalkan pertemuan pertama dengan Puteri Bakawali meninggalkan kesan kerinduan yang mengasyikkan hingga Puteri Bakawali menyamar sebagai Farakh untuk mengetahui identiti sebenar pencuri hatinya. Puteri Bakawali dan Tajul Muluk merawat kerinduan yang terpendam itu dengan berbalas surat antara satu sama lain. Hal ini dijelaskan di dalam petikan di bawah:

Adapun masa Puteri Bakawali memberi warkah itu katanya, “Ayu hai adinda Semanru Peri, bawakan apalah surat dan cincin ini kepada kekasih kakanda. Maka jika tuan dapati ia seorang diri, baharulah tuan berikan surat ini serta sampaikanlah rindu dendam kekanda kepadanya”. Maka Semanru Peri pun menyambut surat itu seraya terbang menuju ke bandar Syarqastan. Maka, dengan sesaat itu juga sampailah ia ke negeri itu. Setelah dilihatnya baginda Taju’l Muluk seorang diri, maka ia pun menzahirkan dirinya

serta mengunjukkan surat itu. Demi dibaca surat itu, maka ia pun mercahlah oleh asyik berahnanya.

(*Hikayat Gul Bakawali*, 2016: 64-65)

Korelatif perpisahan yang berkembang daripada kesan emosi kasih turut dilihat di dalam beberapa peristiwa di dalam hikayat ini. Salah satunya ketika Tajul Muluk di buang ke tanah Tulsumat dan Puteri Bakawali dipenjarakan oleh bondanya. Bonda Puteri Bakawali iaitu Permaisuri Jamilah Khatun tidak dapat menerima anakanda beliau iaitu bidadari kayangan mencintai seorang manusia biasa. Peristiwa ini digambarkan di dalam petikan di bawah: -

Maka, terkejut besarlah ia dan bernyala-nyalalah api amarahnya itu seraya berkata dengan hatinya, “Hai Bakawali, kemana lenyap sumpahanmu itu dan syabaslah perbuatanmu ini meninggalkan nama dewa-dewa dan peri-peri,” sambil disambarnya tangan Taju’l Muluk

(*Hikayat Gul Bakawali*, 2016: 70)

Berdasarkan petikan di atas dapat memerihalkan penentangan kedua ibu bapa Puteri Bakawali iaitu Baginda Fairuz Syah dan Permaisuri Jamilah Khatun terhadap cinta Puteri Bakawali kepada Tajul Muluk pada permulaannya. Setelah dipujuk oleh Permaisuri Hassan Ara bonda kepada Puteri Ruh Afza dan mengetahui keikhlasan Tajul Muluk menyelamatkan sepupu Puteri Bakawali iaitu Puteri Ruh Afza daripada jin hitam bernama Fikar ketika Tajul Muluk dibuang di Tanah Tulsumat baginda telah diterima baik oleh kedua ibu bapa Puteri Bakawali.

Selain itu, peristiwa lain yang memaparkan korelatif perpisahan antara Tajul Muluk dan Puteri Bakawali terjadi ketika Puteri Bakawali disumpah oleh Maharaja Betara Indera menjadi separuh batu selama dua belas tahun. Maharaja Betara Indera mengenakan sumpahan tersebut kerana menyedari Puteri Bakawali mencintai Tajul Muluk yang menyamar sebagai pemukul gendang ketika tuan puteri sedang menari menghiburkan Maharaja Betara Indera di kayangan. Petikan teks di bawah membuktikan kenyataan ini:

Setelah itu berkata pula ia kepada Puteri Bakawali, “Hai Bakawali, inilah gerangan manusia yang engkau gilakan itu sehingga tiada engkau menghadap beta beberapa lamanya! Sekarang pun apakan daya sudah terlanjur perkataan beta, maka pengurniaan betalah akan dikau manusia itu. Akan tetapi kemudian daripada dua belas tahun bahaerulah boleh engkau bertemu ia pula. Maka sementara menantikan zaman itu, menjadi batulah separuh badanmu itu”. Demi sudah disertunya, maka Puteri Bakawali pun menjadi batu daripada kakinya sehingga ke pusatnya, lalu ghaib daripada majlis itu.

(*Hikayat Gul Bakawali*, 2016: 102)

Pemaparan korelatif perpisahan yang meransang emosi kasih sekaligus menerbitkan rasa berahi di bayangi dengan unsur luar biasa seperti sumpahan menjadi separuh batu ini memberikan kesan ‘seronok’ di dalam proses menikmati karya. Kesan seronok, gembira dan suka ini menjadi terapi di dalam merawat jiwa khalayak yang sepi dan gundah. Hal

ini adalah kerana karya yang di bayangi unsur magis atau sesuatu yang luar biasa ini mengkehendaki khalayak membayang tanpa perlu menancap menggunakan indera dan hal ini merupakan suatu pengalaman yang indah. Bayangan suatu individu adalah berbeza dengan individu lain kerana sesuatu keindahan itu adalah bersifat subjektif.

Sehubungan itu, rentetan daripada perpisahan yang berlaku ini membangkitkan rasa sedih beserta nostalgia dan kerinduan yang mendalam untuk dipertemukan kembali dengan isteri yang dicintai Tajul Muluk iaitu Puteri Bakawali. Tajul Muluk mencari Puteri Bakawali sehingga pinggir laut Negeri Serandib. Puteri Bakawali menjadi batu daripada kaki hingga ke pusat dan telah dibuangkan di dusun bernama Sangkaldib, di dalam rumah berhala di negeri Serandib. Tajul Muluk setiap masa hidup dengan harapan dipertemukan kembali dengan isteri yang sangat dicintai.

Petikan di bawah memerihalkan perkara ini:

Demi didengar oleh Tajul Muluk maka ia pun rebah pengsanlah. Maka, berlari-larilah beberapa bidadari mengambil air serta dipercikkan ke muka Taju'l Muluk.

Maka siumanlah ia daripada mercanya, lalu bangun sambil berseru, “Wahai Puteri Bakawali, betapa halnya tuan, kakanda mati mengembara di hutan, adinda berdendam menjadi batu di sana. Wah alangkah aniyanya. Aduhai bidadari sekalian, demi Nabi Allah Sulaiman alaihissalam, berbuat syafaat apalah tuan, pertemukan kasih dengan kekasihnya. Jika tidak pun bunuhlah hamba ini lamun

hilang percintaan hamba ini. Akan tetapi hamba pohon dikuburidi kaki kekasih hamba itu”.

(*Hikayat Gul Bakawali*, 2016: 105)

Berdasarkan petikan ini dapat digambarkan kesusahan hati dan kesedihan yang di alui oleh Tajul Muluk setelah kehilangan isteri yang dicintai. Tajul Muluk hidup dengan harapan dan nostalgia yang ditinggalkan oleh isterinya beserta harapan untuk dipertemukan kembali dengan isterinya yang disumpah oleh Maharaja Betara Indera. Setelah bertemu dengan Puteri Bakawali, setiap masa Tajul Muluk berulang alik ke rumah berhala tempat sumpahan tersebut. Puteri Citrawati anak Maharaja Catarsing iaitu raja di Negeri Serandib mencintai Tajul Muluk dan apabila mengetahui tentang perihal Tajul Muluk yang begitu mencintai Puteri Bakawali, Maharaja Catarsing mengarahkan pengawal memecahkan rumah berhala dan dibuang ke laut. Walaupun Tajul Muluk telah berkahwin dengan Puteri Citrawati, baginda tidak pernah mengendahkan Puteri Citrawati dan berkahwin hanya bertujuan semata-mata untuk berjumpa dengan kekasih hatinya yang di sumpah menjadi separuh batu. Setelah diketahui oleh Tajul Muluk peristiwa ini, Tajul Muluk amat bersedih dan hilang kawalan diri. Petikan di bawah memerihalkan korelatif perpisahanan kedua yang berlaku di dalam hikayat ini namun masih beserta dengan harapan untuk dipertemukan kembali dengan kecintaan hati beliau iaitu Puteri Bakawali:

Adapun Taj’ul Muluk itu setelah malam hari pergila ia bagi adatnya. Wahai, apabila dilihatnya tempat kekasihnya itu telah diratakan orang, maka ia pun

menghempaskan dirinya sambil berseru-seru, katanya,  
“Aduhai, kepada siapalah boleh bertanya. Wah kemanalah lenyap kekasihku itu. Ya llahi, tiadakah siapa yang boleh memberi warta nyawa beta itu? Amboi kemanakah gerangan cahaya mata beta di bawa orang? Ayuhai nasib yang celaka menanggung percintaan selama-lamanya”.

(*Hikayat Gul Bakawali*, 2016: 115)

Tajul Muluk bersabar dan menanti kepulangan Puteri Bakawali ke pangkuhan baginda. Puteri Bakawali di beranakkan kembali oleh isteri tukang minyak bijan yang mandul. Isteri tukang minyak bijan memakan gandum daripada hasil tanaman yang ditanam di tempat sumpahan Puteri Bakawali yang telah diratakan tersebut lalu hamil. Elemen ‘reincarnation’ atau kelahiran semula sang puteri turut dimasukkan pengarang ke dalam karya membuktikan karya ini mempunyai bauran pengaruh Hindu dan lahir pada zaman transisi iaitu period berkembangnya karya yang mempunyai pengaruh Hindu-Islam. Kesusasteraan zaman peralihan mempunyai pengaruh Hindu yang sebat dengan kebudayaan masyarakat Melayu tradisi (Mohd Taib Osman, 1981). Elemen kelahiran semula yang luar biasa yang dicakna di dalam karya memberikan kesan hebat terhadap keghairahan emosi pembaca menikmati perjalanan cerita ini. Bidadari, semanru peri, raksasa, dewa-dewi, kayangan yang dimasukkan ke dalam karya memberi suatu macam rasa gembira khalayak seperti khalayak diberikan kuasa yang luar biasa yang mampu menyelamatkan watak-watak hebat ini daripada pelbagai halangan. Hal ini seakan mendatangkan

suatu rasa lega setelah proses transformasi emosi ini berlaku kepada khalayak.

#### **4.3 Kasih Terhadap Alam**

Latar kasih terhadap alam juga menjadi tunjang perjalanan naratif hikayat ini, selain daripada kasih terhadap ibu-bapa dan isteri. Bertitik tolak daripada pencarian unsur alam iaitu bunga bakawali, naratif teks ini dikembangkan dengan pertemuan Tajul Muluk dan Puteri Bakawali. Hal ini demikian kerana, Puteri Bakawali merupakan pemilik bunga bakawali. Unsur alam di letakkan pada permulaan penceritaan bagi menampakkan kepentingan unsur alam ini terhadap kehidupan harian manusia. Unsur alam iaitu bunga bakawali berkeupayaan menyembuhkan mata Sultan Zainul Muluk yang buta. Unsur alam di letakkan di suatu tempat yang sukar, tinggi dan jauh bagi menimbulkan penghargaan individu terhadap alam. Unsur alam patut dijaga dan dicintai kerana unsur alam ini terlalu berharga dan istimewa serta boleh digunakan untuk rawatan penyakit tertentu yang bersifat alami.

Kalakian maka Taju'l Muluk pun sampailah di kolam permata yang diikat dengan yakut dan akik dan zabarjad itu. Maka, terlihatlah ia di tengah-tengah kolam itu ada sepohon bunga yang amat elok rupanya, serta pula dengan sangat harum baunya. Maka pada fikiran Taju'l Muluk, ‘Sesungguhnya tiada lagi yang dikatakan bunga bakawali itu, tidak dapat tiada inilah dia’.

(*Hikayat Gul Bakawali*, 2016: 32)

Selain itu, latar belakang alam yang bersifat luar biasa dan tidak tertancap dek akal fikiran dan jauh menyimpang daripada rasionaliti juga banyak ditonjolkan di dalam karya. Misalnya, taman larangan, kayangan, semanru peri, raksasa dan dewa-dewi turut mewarnai karya sekitar abad ke 19 ini. Hal ini merupakan suatu keunikan dan wadah dalam menyampaikan hiburan kepada khalayak yang menikmati genre klasik ini. Keunikan dan keistimewaan wadah klasik ini tidak wajar dipersolkan kerana disitulah terciptanya kelainan yang boleh menimbulkan keasyikan di dalam menikmati karya kesusasteraan klasik yang bersifat hikayat ini. Keasyikan ini juga mampu menjadi terapi yang melegakan jiwa manusia yang sedih, letih, tertekan dan dukalara.

## 5.0 Penutup

Kedua-dua korelatif pertemuan dan perpisahan yang hadir bersama emosi kasih yang menerbitkan kesan rasa berahi terdapat di dalam teks *Hikayat Gul Bakawali* ini. Keseimbangan kedua-dua korelatif ini berkembang dengan sempurna di dalam teks klasik ini dan berupaya meruntun rasa lega dalam jiwa khalayak. Walaubagaimanapun, emosi kasih terhadap isteri yang menerbitkan rasa berahi, asyik dan ghairah mendominasi keseluruhan plot penceritaan dengan keseimbangan dua korelatif utama iaitu pertemuan dan perpisahan yang beserta harapan. Bauran unsur luar biasa berupaya mentransformasikan emosi kasih terutama dalam episod percintaan Puteri Bakawali dan Tajul Muluk memberikan sesuatu yang dipanggil ‘lega’ dalam jiwa khalayak. Buktinya, khalayak juga turut menanamkan harapan dan mendambakan seorang suami

yang setia dan penyayang laksana Tajul Muluk sebagai pendamping abadi di dunia dan akhirat.

## RUJUKAN

- Abdul Halim Ali. (2006). *Ikhtisar Teori dan Kritikan Sastera Barat dan Malaysia*. Selangor: ELPOS Print Sdn. Bhd.
- Braginsky, V.I. (1994). *Erti Keindahan dan Keindahan Erti dalam Kesusasteraan Melayu Klasik*. Selangor: Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka
- Harun Jaafar. (2009). *Wacana Kesusasteraan Melayu Klasik*. Tanjung Malim, Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Harun Mat Piah (et.) (al.) (2006). *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Hashim Awang (et.) (al.) (1985). *Mendekati Kesusasteraan Melayu*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd
- Mohd Pozi Haji Masurori dan Zubir Idris. (2003). *Sastera Melayu Tradisional: Memperkasakan Yang Perkasa dalam Persuratan Melayu Pemerkaasan Warisan Bangsa*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Mohd Taib Osman. (1981). *Kesusasteraan Melayu Klasik: Suatu Tinjauan Ringkas dalam Kumpulan Esei Sastera Melayu Lama*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Noriah Taslim. (1993). *Teori dan Kritikan Sastera Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Noriah Taslim. (2006). *Dunia Sahibul Hikayat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Afidatul Syazwani Binti Afandi, Norazimah Binti Zakaria & Abdul Halim Bin Ali,  
“Hubungkait Emosi Kasih Dan Kesan Kelegaan Jiwa Dalam *Hikayat Gul Bakawali*” Jms Vol. 3 Issue 1 (2020): 242 - 265

Sahlan Mohd. Saman dan Shaiful Bahri Md. Radzi. (peny.) (2005). *Persuratan Melayu Tradisional ke Moden*. Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia

Shahnon Ahmad. (1994). *Sastera Pengalaman Ilmu Imagination dan Kitarannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Siti Hawa Haji Salleh. (peny.) (2016). *Hikayat Gul Bakawali*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Sohaimi Abdul Aziz. (1998). *Rasa Fenomenologi: Penerapan Terhadap Karya A. Samad Said*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sohaimi Abdul Aziz. (2014). *Teori dan Kritikan Sastera Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Sri Wahyuningsih. (2017). *Teori Katarsis dan Perubahan Sosial dalam Jurnal Komunikasi*, Vol XI No. 01, Maret 2017. Indonesia: Universitas Trunojoyo Madura

Teeuw, A. (1995). *Sastera dan Ilmu Sastera: Pengantar Teori Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Windstedt, R.O. (1996). *A History of Classical Malay Literature*. Selangor: Eagle Trading Sdn. Bhd.

Zalila Sharif (et.) (al.) (peny.) (1993). *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka